

**PENDAHULUAN**

Jabatan Resolusi Pertikaian (JRP) telah ditubuhkan pada 01 Julai 2013. Pada 01 Januari 2017, penjenamaan semula JRP telah dilakukan dan dikenali sebagai JRPSL. JRPSL merupakan gabungan Bahagian Resolusi Cukai dan Bahagian Sekretariat Lembaga.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB**

Mengkaji dan menganalisis rayuan pembayar cukai yang diterima melalui Borang Q dan memastikan standard tadbir urus korporat tertinggi di Lembaga secara berteursan, menasihati dan menguruskan Mesyuarat Lembaga dan hal-hal berkaitan Anggota Lembaga.

Apa yang perlu dilakukan oleh Pembayar Cukai untuk membuat **Rayuan Borang Q?**

1. **KENALPASTI FAIL** Pembayar Cukai berada di cawangan mana.
2. **FAILKAN Borang Q** di Cawangan yang terlibat.
3. Penerimaan Borang Q adalah **TERTAKLUK** kepada Ketetapan Umum No. 7/2015 – Antaranya : Alasan di dalam Borang Q mestilah spesifik dan jelas ke atas taksiran yang dirayu.
4. Jenis-jenis Borang Q.

Sekiranya pembayar cukai ingin memohon mengadakan PRP, pembayar cukai perlu mengenalpasti Borang Q tersebut samaada dikendalikan di peringkat JRPSL atau PPN sebelum dipanjangkan ke PKCP untuk keputusan muktamad.

**PROSIDING RESOLUSI PERTIKAIAN**

1. Sesi PRP boleh diadakan atas permintaan Pembayar Cukai atau mengikut keperluan JRPSL/PPN. Proses ini berkesan sebagai medium untuk menyemak dan menyelesaikan kes sebelum Borang Q dikemukakan kepada PKCP.
2. PRP dapat menjimatkan kos dan masa Pembayar Cukai dan LHDNM serta merupakan satu platform yang efektif untuk mewujudkan *engagement* antara LHDNM dengan Pembayar Cukai.
3. Sesi PRP tidak akan menghalang kedua-dua pihak untuk meneruskan rayuan ke PKCP sekiranya tiada penyelesaian dicapai selepas keputusan prosiding kes dimaklumkan.

**PENGENDALIAN BORANG Q**

Mulai 01 Januari 2017, skop kendalian Borang Q adalah seperti berikut:

**JRPSL (Ibupejabat)** - mengendalikan kes-kes Borang Q yang dikemukakan oleh

Cawangan Pembayar Cukai Besar, Cawangan Cukai Multinasional, Cawangan Industri Khas, Cawangan Siasatan, Jabatan Tindakan Khas, Jabatan Siasatan dan Jabatan Operasi Khas.

**Pejabat Pengarah Negeri (PPN)** - mengendalikan kes-kes Borang Q yang

dikemukakan oleh Cawangan yang dikawal selia oleh PPN berkenaan;

PPN WP Kuala Lumpur	Cawangan Duta / Cawangan Tidak Bermastautin / Cawangan Kuala Lumpur Bandar
PPN WP Putrajaya	Cawangan Cheras / Cawangan Wangsa Maju / Cawangan Bangi
PPN Selangor	Cawangan Shah Alam / Cawangan Klang / Cawangan Petaling Jaya
PPN Johor	Cawangan Johor Bahru / Cawangan Kluang / Cawangan Muar
PPN Pahang	Cawangan Kuantan / Cawangan Raub / Cawangan Temerloh
PPN Perak	Cawangan Ipoh / Cawangan Teluk Intan / Cawangan Taiping
PPN Pulau Pinang	Cawangan Pulau Pinang / Cawangan Bukit Mertajam
PPN Kedah / Perlis	Cawangan Kangar / Cawangan Alor Setar / Cawangan Sungai Petani
PPN Terengganu / Kelantan	Cawangan Kuala Terengganu / Cawangan Kota Bharu
PPN Negeri Sembilan / Melaka	Cawangan Seremban / Cawangan Melaka
PPN Sarawak	Cawangan Kuching / Cawangan Miri / Cawangan Bintulu / Cawangan Sibu
	Cawangan Kota Kinabalu / Cawangan Keningau / Cawangan Tawau / Cawangan
PPN Sabah	Sandakan / Cawangan Labuan

**DIREKTORI JRPSL**

**JABATAN RESOLUSI PERTIKAIAN DAN SEKRETARIAT LEMBAGA**  
 Pengarah : Puan Hazlina Binti Hussain  
 Talian Terus : 03-83138883  
 H/P : 019-3827498  
 e-mel : [hazlinahussain@hasil.gov.my](mailto:hazlinahussain@hasil.gov.my)  
 samb : 20601

**BAHAGIAN RESOLUSI CUKAI**  
 Pengarah : Cik Norfaidah Binti Daud  
 Talian Terus : 03-83138810  
 H/P : 019-6669080  
 e-mel : [norfaidah@hasil.gov.my](mailto:norfaidah@hasil.gov.my)  
 samb : 20602

**BAHAGIAN SEKRETARIAT LEMBAGA**  
 Pengarah : Encik Ahmad Nawawi Bin Idrus  
 Talian Terus : 20601  
 H/P : 019-3781234  
 e-mel : [ahmadnawawi@hasil.gov.my](mailto:ahmadnawawi@hasil.gov.my)